PP

lwn.

OMAR MOHAMAD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
NIK HASHIM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-04-2001]
15 JANUARI 2003

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar cannabis - Dadah di dalam laci dashboard kereta - Tertuduh berada di dalam rumah tetapi memiliki kunci kereta - Sama ada mempunyai kawalan terhadap kereta dan dadah - Sama ada mempunyai milikan - Unsur pengetahuan - Sama ada anggapan pengedaran boleh berbangkit - Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 2, 30(6), 37(d), (h), (da), 39B(1)(a), (2)*

PROSEDUR JENAYAH: *Siasatan polis - Pernyataan beramaran - Gagal memberi amaran pada permulaan rakaman - Sama ada memudaratkan rakaman - Rakaman mengambil masa 13 jam - Sama ada tidak menunjukkan kerjasama oleh tertuduh - Sama ada menunjukkan pernyataan tidak diberi secara sukarela*

Tertuduh ('OKT') dituduh dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') apabila 422.3 gram dadah jenis cannabis telah dijumpai dari dalam dashboard sebuah kereta di mana kunci kereta tersebut dipegang oleh OKT. Fakta menunjukkan bahawa OKT bukanlah pemilik kereta tersebut, bahawa selain OKT kereta tersebut digunakan juga oleh SP7 dan SP9, dan bahawa, semasa ianya ditangkap, OKT berada di dalam rumah dan bukannya di dalam kereta. Di hadapan yang arif hakim, di akhir kes pendakwaan, persoalan timbul sama ada unsur-unsur kawalan dan pemilikan cannabis telah dibuktikan terhadap OKT. Disamping itu, timbul juga isu sama ada, dalam halkeadaan yang wujud, anggapan-anggapan di bawah ss. 37(d) dan 37(h) Akta telah berbangkit dan terpakai. Fakta juga menunjukkan bahawa kes pendakwaan sebahagiannya adalah bergantung kepada percakapan beramaran yang dirakam menurut s. 37A Akta ('ID25'). Oleh yang demikian, memandangkan bahawa semasa merakam ID25, perakam hanya membaca amaran statutori di akhir rakaman dan tidak dipermulaannya, serta mengambil masa 13 jam bagi merakamkan hanya lima muka surat pengakuan, maka persoalan juga timbul sama ada ID25 telah diberi dengan sukarela dan dengan itu boleh diterima masuk sebagai keterangan.

Pembelaan berhujah bahawa OKT tidak harus dipanggil membela diri oleh kerana: (i) tiada keterangan terus tentang pemilikan dadah; (ii) kereta tidak berada di bawah kawalan OKT; dan (iii) kereta bukanlah suatu 'anything whatsoever containing' dadah dan laci dashboard kereta pula bukanlah suatu 'compartment specially constructed for the purpose' untuk menyembunyikan dadah.

Diputuskan:

[1] Adalah menjadi tugas perakam untuk membuat inquiri terlebih dahulu sebelum merakam pernyataan beramaran bagi menentukan sama ada pernyataan yang akan diberi oleh OKT merupakan suatu pernyataan sukarela. Ini tidak dibuat oleh SP1. Soalan berkenaan hanya disebut dan dicatat di akhir inquiri selepas pernyataan diberi oleh OKT. ID25 dengan itu adalah cacat dan adalah diragui sama ada pernyataan di dalamnya diberi tanpa paksaan atau dorongan. (ms 91 f)

[2] Tempoh 13 jam untuk merakam ID25 adalah terlalu lama mengambilkira isi kandungannya yang hanya lima muka surat, sekaligus menimbulkan kekhuatiran sama ada pernyataan tersebut benar-benar diberi secara sukarela. Persoalannya ialah, jika OKT benar-benar telah memberi kerjasama kepada perakam, mengapa pula rakaman perlu mengambil masa begitu lama. Selain itu, tohmahan OKT bahawa ia telah diugut dan diberikan dorongan tidak disangkal oleh pendakwaan. Mahkamah dengan itu tidak berpuashati bahawa ID25 telah diberi oleh OKT secara sukarela tanpa paksaan dan dorongan. (ms 91 g - 92 b)

[3] Keterangan yang ada sehingga ke peringkat penutupan kes pendakwa tidak memadai atau mencukupi untuk membuktikan bahawa dadah cannabis yang dirampas dari dalam laci dashboard kereta berada dalam milikan, jagaan atau kawalan OKT. Memiliki kunci kereta semata-mata tanpa keterangan pengendalian kereta pada masa material tidak cukup untuk mengatakan OKT mempunyai milikan, jagaan atau kawalan ke atas dadah di dalam kereta. Begitu juga, reaksi gelisah OKT semasa polis membuat serbuan tidak semestinya menunjukkan pengetahuan OKT tehadap cannabis. Selain itu, tiada keterangan terus bahwa kereta sentiasa berada dalam kawalan OKT sebelum ia ditangkap, dan walau apapun, kawalan OKT ke atas kereta telah terputus apabila SP7 dan SP9 mengguna kereta tersebut untuk pergi ke Dungun selama dua jam dan tidak ada keterangan bahawa kereta diserahbalik kepada OKT sebelum beliau ditangkap. (ms 94 f - 96 d)

[4] Tanpa keterangan jagaan atau kawalan dan pengetahuan yang jelas ke atas dadah oleh OKT, pihak pendakwa telah gagal membuktikan secara afirmatif bahawa OKT telah memiliki dadah di dalam laci dashboard kereta. Tiada kes *prima facie* dibuktikan terhadap OKT seperti tuduhan. (ms 96 e)

[OKT dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.]

Kes-kes yang dirujuk:
Choo Chang Teik v. PP [1991] 3 CLJ 2387; [1991] 1 CLJ (Rep) 54 SC ***(diikuti)***
Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(diikuti)***
PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC ***(diikuti)***
Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP [1982] 1 MLJ 132 ***(diikuti)***
Tong Peng Hong v. PP [1955] 21 MLJ 232 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 180(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 30(6), 37(d), (da)(vi), (h), (da), (vi), 37A, 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak pendakwa raya - Nor Azizah Mohamad; TPR
Bagi pihak tertuduh - Hj Mohd Apandi Ali; M/s Apandi Ali & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Nik Hashim H:

Pertuduhan
Tertuduh (OKT), 31 tahun, berkahwin dan bekerja sebagai penjual air dan makanan di Rantau Abang, Dungun, telah dituduh melakukan kesalahan mengedar atau trafiking dadah berbahaya jenis cannabis seberat 422.3 gram di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta) yang membawa hukuman mati mandatori jika disabitkan di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Fakta Kes
Pada 19 Disember 2000 jam lebih kurang 6 petang, bertindak atas maklumat yang telah diterima, Inspektor Ahmad Dahuri (SP3) bersama tiga anggota polis telah menyerbu sebuah rumah beralamat L21 33 Jalan Rantau Abang, Dungun dan telah menahan empat lelaki Melayu sebelum pemeriksaan dibuat ke atas rumah tersebut. Keempat-empat lelaki tersebut ialah OKT, Rusihan Afendi (SP7), Fazaluddin (SP8) dan Mohd Shahril (SP9). Hasil daripada pemeriksaan di rumah tersebut, pihak polis telah menjumpai satu botol plastik berisi cecair kehitaman yang disyaki ubat batuk.

SP3 telah memeriksa tubuh badan keempat-empat lelaki tersebut dan SP3 tidak menjumpai apa-apa barang salah di atas mereka. OKT telah dilihat berkeadaan gelisah dan sering menyeluk poket seluarnya sebelah kiri yang menyebabkan SP3 mengarahkan OKT mengeluarkan benda dalam poket tersebut. OKT telah mengeluarkan kunci kereta. Dengan kunci itu, polis telah mengarahkan OKT membuka kereta jenis Mercedes No. BBK 9099 (P14) yang berada di hadapan rumah tersebut. Setelah kereta itu dibuka oleh OKT, polis telah membuat pemeriksaan di dalam kereta dan boot, dan didapati di dalam boot 10 kotak kertas yang setiap satunya berisi 4 tabung plastik putih, dan di luar kotak terdapat 4 tabung plastik lagi. Manakala di dalam kereta terdapat 3 tabung plastik terletak di tempat tapak kaki di bahagian belakang sebelah kanan di dalam kereta. Kesemua 47 tabung plastik tersebut berisi cecair kehitaman yang disyaki ubat batuk. Keempat-empat orang tahanan termasuk OKT telah hadir semasa polis memeriksa kereta itu.

Selepas itu, pihak polis membawa mereka ke Balai Polis Dungun. Pada jam lebih kurang 6.45 petang, SP3 dan anggotanya telah membuat pemeriksaan sekali lagi ke atas kereta P14. Dengan disaksikan oleh OKT dan tiga tahanan, SP3 telah membuka laci dashboard kereta itu dengan menggunakan kunci yang sama dan menjumpai satu bungkusan plastik merah yang diikat simpul yang mana di dalamnya terdapat satu bungkusan kertas suratkhabar bertarikh 3 Mac 2000 yang mengandungi satu balutan plastik lutsinar mengandungi satu mampatan daun kering yang disyaki ganja.

Seterusnya barang kes telah dirampas dan satu laporan polis telah dibuat *vide* Dungun Report No. 3186-88/2000 (P17). Menurut keterangan pegawai penyiasat, Cif Inspektor Kamal Khan (SP 10), borang bongkar (P18) berhubung dengan penemuan dadah di dalam laci dashboard kereta telah ditandatangani oleh kesemua orang tahanan, SP7, SP8, SP9 dan OKT. Pernyataan beramaran juga telah diambil daripada mereka. Namun demikian, OKT seorang sahaja telah dituduh atas kesalahan ini. Manakala adik ipar OKT, Rusihan Afendi (SP7), Fazaluddin (SP8), seorang peguam ketika itu, dan pembantu kedai makan Mohd Shahril (SP9) telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi pihak pendakwaan.

Mampatan daun kering tersebut kemudiannya telah dihantar kepada ahli kimia kerajaan untuk diperiksa dan di analisis. Ahli kimia kerajaan, Encik Abdullah Zayawi (SP1) telah menjalankan beberapa ujian ke atas daun tersebut dan seterusnya mengesahkan daun itu adalah dadah berbahaya jenis cannabis seperti ditakrifkan di bawah s. 2 Akta. Menurut SP1, berat cannabis ialah 422.3 gram.

Keterangan menunjukkan bahawa kereta P14 adalah kepunyaan bapa OKT iaitu Mohamad @ Aziz bin Muda (SP5) seorang pesara yang dia miliki semenjak 1997. SP5 telah memberi pinjam kereta itu kepada anaknya OKT dalam bulan

Oktober 2000. Anak kunci kereta itu (P21) mempunyai tiga fungsi: untuk membuka pintu kereta, untuk menghidupkan enjin kereta dan untuk membuka laci dashboard kereta tersebut.

Penyataan Beramaran OKT

Selain mengemukakan keterangan melalui saksi-saksi, pihak pendakwa juga cuba mengemukakan pernyataan beramaran OKT sebagai keterangan bagi membuktikan kesnya. Dalam hal ini, satu perbicaraan dalam perbicaraan telah diadakan bagi menentukan sama ada pernyataan beramaran (ID25) yang dikatakan telah diberi secara sukarela oleh OKT boleh diterima masuk sebagai bukti atau tidak. Dalam perbicaraan tersebut, ASP Mohd Nawawi (SP1) (BDB) sebagai perakam pernyataan beramaran telah memberi keterangan dengan mengatakan bahawa pernyataan tersebut telah diambil secara teratur menurut s. 37A Akta dan ia telah diberi oleh OKT secara sukarela. Manakala OKT pula telah mendakwa bahawa pernyataan tersebut telah diberi selepas ugutan dan dorongan pihak polis ke atas beliau.

Selepas mendengar kedua belah pihak, saya dapati:

(a) ID25 adalah cacat. Soalan di ms. 5 perenggan 5 dalam ID25 berbunyi:

> S: Adakah kamu dipaksa, diugut atau dijanjikan supaya memberi percakapan ini?
>
> J: Saya memberi percakapan tersebut dengan sukarela.

Soalan ini telah disebut dan dicatat di akhir inquiri selepas pernyataan diberi oleh OKT. Oleh itu, saya dapati pernyataan ID25 tersebut meragukan sama ada ia telah diberi tanpa paksaan atau dorongan. Adalah menjadi tugas perakam untuk membuat inquiri terlebih dahulu sebelum merakam pernyataan beramaran bagi menentukan sama ada pernyataan yang akan diberi oleh OKT itu merupakan suatu pernyataan sukarela. Tetapi dalam kes ini, ia tidak dibuat begitu.

(b) Tempoh rakaman ID25 mengambil masa begitu lama. Menurut ID25 pernyataan dan keterangan SP1 (BDB), rakaman bermula jam 12.30 pagi 20 Disember 2000 dan tamat jam 1.30 petang (1330 hrs) 20 Disember 2000, memakan masa selama 13 jam! Melihat kepada isi kandungan pernyataan itu yang hanya meliputi lima muka surat sahaja, saya khuatir sama ada pernyataan itu benar-benar telah diberi secara sukarela. Sekiranya OKT telah memberi kerjasama kepada perakam semasa pernyataan beramaran dirakamkan sebagaimana dikatakan oleh SP1 (BOB), mengapa rakaman pernyataan itu yang merupakan suatu pengakuan terhadap barang kes yang simple telah memakan masa begitu lama sampai 13 jam! Lagi pun, tidak ada penjelasan telah diberi oleh perakam mengenai perkara ini.

(c) Tohmahan OKT bahawa dia telah diugut dan dorongan telah diberi tidak disangkal oleh pihak pendakwaan. Perkara-perkara itu ialah, jika OKT tidak mengaku: (i) ayah (SP5) akan ditangkap; (ii) 2 orang kawannya, SP8 dan SP9 dan adik iparnya SP7 akan turut didakwa; (iii) OKT akan ditahan lama, akan didakwa di bawah s. 39B; (iv) jika OKT mengaku, OKT akan dibebaskan dengan ikat jamin dan boleh berhari raya dengan anak isteri.

Atas alasan-alasan di atas, saya tidak puas hati bahawa ID25 telah diberi oleh OKT secara sukarela tanpa paksaan dan dorongan. Terdapat syak yang munasabah mengenai kesukarelaannya. Oleh itu, saya ketepikan ID25 daripada diterima masuk sebagai bukti dalam kes ini.

Kes Pendakwaan

Adalah menjadi kes pendakwaan sebagaimana dihujahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang terpelajar bahawa OKT mempunyai kawalan terhadap kereta P14 dan keadaan gelisah OKT menunjukkan beliau tahu di dalam laci dashboard kereta tersebut ada mengandungi dadah cannabis. Oleh itu, keterangan yang ada sudah memadai dan mencukupi secara *prima facie* bahawa OKT secara affirmatif dan konklusif memiliki dadah berbahaya tersebut dan memandangkan berat cannabis itu 422.3 gram, iaitu melebihi berat 200 gram yang ditetapkan, maka anggapan pengedaran atau trafiking dadah di bawah s. 37(da)(vi) Akta adalah terpakai dalam kes ini dan dengan itu, OKT patut dipanggil membela diri.

Hujah Pembelaan

Peguambela yang terpelajar bagi pihak OKT mendakwa bahawa tidak ada keterangan terus bahawa OKT memiliki dadah tersebut. Tidak ada keterangan terus bahawa kereta itu berada dalam kawalan OKT sepanjang masa. OKT bukan seorang sahaja yang mempunyai kawalan atau menggunapakai kereta itu. Sebagai contoh: SP5 telah diberitahu oleh OKT bahawa kereta telah dipinjamkan kepada kawan-kawannya (OKT); SP7 ada membawa kereta dengan SP9 pergi ke Dungun pada hari kejadian 19 Disember 2000 jam 12.00 tengah hari hingga 2 petang; SP8 ada membawa kereta di Kuala Lumpur dengan Ahmad Zaki, dan ketika itu, Ahmad Zaki ada memegang kunci kereta. Namun demikian, Ahmad Zaki tidak dipanggil memberi keterangan. Kereta itu mempunyai kunci pendua – P26A dipegang oleh isteri OKT. Oleh itu, peguambela berhujah kes ini dipenuhi dengan pelbagai keraguan tentang pengetahuan, kawalan dan jagaan dan pemilikan dadah oleh OKT.

Seterusnya, peguambela berhujah, berdasarkan kepada fakta bahawa dadah telah dijumpai di dalam kereta dan kereta bukanlah sesuatu ‘anything whatsoever containing’ dadah dan juga laci dashboard kereta bukan suatu ‘compartment specially constructed for the purpose’ untuk menyembunyikan dadah, maka anggapan-anggapan di bawah s. 37(d) dan 37(h) Akta masing-masingnya tidak

terpakai dalam kes ini. Justeru itu, beliau mengatakan pihak pendakwa telah gagal membuktikan pemilikan dadah cannabis oleh OKT untuk membolehkan OKT dipanggil untuk membela diri.

Keputusan Kes Di Akhir Kes Pendakwaan

Keterangan yang ada menunjukkan pihak pendakwa bergantung kepada anggapan trafiking dadah dengan cara menyimpan atau menyembunyi dadah di dalam laci dashboard kereta yang mana pendakwaan mengatakan OKT ada kawalan ke atasnya. Seksyen 2 Akta mentakrifkan 'trafficking' termasuk melakukan perkara-perkara seperti, 'manufacturing, importing, exporting, keeping, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing' apa-apa dadah.

Mahkamah adalah berkewajipan di akhir kes pendakwaan untuk membuat keputusan sama ada pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes *prima facie* terhadap OKT seperti kehendak s. 180(1) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) (KPJ). Maksud kes *prima facie*, pada hemat saya, ialah sama dengan mengatakan bahawa keterangan pendakwaan di akhir kesnya sudah mencukupi jika tidak dipatahkan, untuk membuat sabitan ke atas OKT.

Setelah menimbang dan meneliti dengan cermat segala keterangan yang telah dikemukakan yang terdiri daripada 10 orang saksi dan sebanyak 26 eksibit serta hujah-hujah dan autoriti-autoriti kedua belah pihak, saya dapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan dan saya berpuashati bahawa dadah yang dikemukakan itu ialah dadah berbahaya jenis cannabis seperti ditakrifkan di bawah s. 2 Akta dan beratnya ialah 422.3 gram. Dalam hal ini, saya berpuashati dengan keterangan SP1 dan saya menerima keterangannya.

Pemilikan dadah

Pihak saya bersetuju dengan peguambela bahawa anggapan-anggapan di bawah s. 37(d) dan (h) Akta tidak terpakai dalam kes ini. Fakta menunjukkan dengan jelasnya bahawa dadah cannabis dalam kes ini telah ditemui di dalam kereta dan menurut autoriti-autoriti *Tong Peng Hong v. Public Prosecutor* [1955] 21 MLJ 232; *Syed Ali bin Syed Abdul Hamid & Anor v. Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 132, dan *Public Prosecutor v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC, kereta P14 dalam kes ini, adalah bukan suatu bekas yang mengandungi dadah itu untuk menimbul anggapan milikan dan pengetahuan dadah oleh OKT di bawah s. 37(d).

Dadah tersebut telah dijumpai di dalam laci dashboard kereta dan laci dashboard kereta bukanlah suatu petak yang dibuat khas untuk menyembunyikan dadah itu. Oleh itu, anggapan di bawah s. 37(h) bahawa dadah itu telah disembunyikan dengan pengetahuan OKT tidak timbul dalam kes ini. (Sila lihat *Lin Lian Chen*).

Dalam kes *Lin Lian Chen*, *supra*, satu beg plastik berisi enam bungkusan suratkhabar, tiap-tiap satunya mengandungi dadah heroin di letak di lantai tempat duduk penumpang belakang dalam kereta dan satu lagi bungkusan mengandungi dadah heroin telah dijumpai di dalam laci dashboard kereta yang dipandu oleh penentang. Ketika itu penentang seorang sahaja berada dalam kereta. Mahkamah Agong ketika itu dalam menolak rayuan oleh pendakwa raya terhadap perintah pembebasan dan pelepasan penentang oleh Mahkamah Tinggi, memutuskan antara lain:

(1) Sebuah kereta yang membawa dadah tidak *ipso facto* terangkum dalam perkataan-perkataan 'anything whatsoever containing any dangerous drug' dan oleh kerana itu di dalam kes seperti itu anggapan di bawah s. 37(d) Akta tidak timbul.

(2) Dadah itu tidak terdapat tersembunyi di dalam suatu petak yang dibuat khas dalam kereta itu, dan oleh kerana itu ia tidak sama sekali boleh dianggap tersembunyi begitu dengan pengetahuan pemunya kereta itu atau orang yang bertanggungjawab atasnya pada masa yang penting, iaitu penentang, oleh kerana anggapan di bawah s. 37(h) Akta itu.

Memandangkan fakta kes ini mengenai penemuan dadah di dalam laci dashboard agak serupa dengan kes *Lin Lian Chen*, maka pihak pendakwa terpaksa bergantung kepada keterangan ikut keadaan untuk membuktikan bahawa dadah cannabis yang dijumpai di dalam laci dashboard itu ada dalam jagaan atau di bawah kawalan OKT dan oleh itu, beban yang dipikul oleh pihak pendakwa adalah sangat berat dan keterangan itu hendaklah menunjukkan dengan tidak dapat dibendung bahawa OKT itu bersalah.

Dalam kes sekarang, saya dapati keterangan yang ada sehingga ke peringkat ini tidak memadai dan mencukupi, dan sekiranya ada keterangan sekalipun, ia masih meragukan untuk membuktikan bahawa dadah cannabis yang dirampas dari dalam laci dashboard kereta itu ada dalam milikan, atau jagaan atau di bawah kawalan OKT. Ini adalah kerana beberapa sebab:

(1) Kereta P14 bukan kepunyaan OKT dan beliau bukan seorang sahaja yang mengguna pakai kereta itu. Pada 18 Disember 2000, SP8 dengan seorang lagi Ahmad Zaki telah menggunakan kereta itu di Kuala Lumpur. Ahmad Zaki memegang kunci kereta itu, dan Ahmad Zaki tidak dipanggil memberi keterangan untuk menidakkan bahawa dia telah meletakkan cannabis di dalam laci dashboard kereta itu. Lagi pun, kereta itu telah dihantar basuh semasa SP8 makan di warung dan SP8 tidak dapat melihat kereta itu dari warung. Tidak ada keterangan daripada SP8 bahawa dia telah memeriksa kandungan laci dashboard sebelum kereta itu diserahkan kepada OKT.

(2) Pada 19 Disember 2000 daripada jam 12 tengah hari sehingga 2 petang kereta itu berada dalam kawalan SP7 dan SP9. Mereka pergi ke Dungun membeli-belah. Selepas itu, OKT telah tidak dilihat menggunakan kereta itu dari jam 2 petang hingga 6.45 petang apabila dia ditangkap. Memiliki kunci kereta semata-mata tanpa keterangan pengendalian kereta itu pada masa material adalah tidak mencukupi untuk mengatakan dia mempunyai milikan, jagaan atau kawalan ke atas dadah dalam kereta itu. Harus diingat, kunci kereta mempunyai tiga fungsi, termasuk untuk membuka laci dashboard. Ramai orang yang memegang kunci kereta itu. Orang-orang yang mengendalikan kereta itu sebelum OKT ditangkap mempunyai ekses kepada laci dashboard. Oleh itu, OKT tidak boleh dikatakan mempunyai kawalan eksklusif ke atas kereta P14. Jadi, siapakah yang memasukkan dan menyembunyikan dadah cannabis dalam laci dashboard kereta itu? OKT? Mungkin juga orang-orang lain seperti kawan-kawan OKT yang pinjam kereta itu sebelum OKT pergi ke Kuala Lumpur, atau pun Ahmad Zaki atau pun orang yang membasuh kereta semasa di Kuala Lumpur. Orang-orang tersebut termasuk Ahmad Zaki, tidak boleh dikesampingkan sebagai orang yang mungkin bertanggungjawab memasukkan dadah cannabis di dalam laci dashboard kereta itu.

(3) Menurut pegawai serbuan SP3 dan pegawai penyiasat SP10, mereka tidak menjumpai apa-apa barang lain, seperti bil atau resit atau dokumen lain di dalam laci dashboard kereta itu yang boleh mengaitkan OKT dengan penggunaan laci dashboard tersebut.

(4) SP10 juga telah mengesahkan beliau tidak mengambil apa- apa kesan cap jari ke atas plastik lutsinar yang membaluti cannabis (P9) dan juga ke atas panel kayu dashboard untuk menentukan adanya kesan cap jari OKT bagi tujuan mengaitkan OKT dengan dadah yang dijumpai. Selain itu, SP10 juga telah tidak mengambil sebarang potongan kuku OKT untuk menentukan pegangan dadah itu oleh OKT.

(5) OKT telah bekerjasama dengan pihak polis dengan memberitahu SP3 secara sukarela cara membuka laci dashboard dengan kunci kereta. Tindakan OKT menolong polis untuk membuka laci dashboard memberi inferens yang memihak kepadanya bahawa kemungkinan besar beliau tidak mempunyai pengetahuan mengenai wujudnya cannabis di dalam laci dashboard.

(6) Reaksi gelisah yang ditunjukkan oleh OKT semasa polis membuat serbuan tidak semestinya menunjukkan pengetahuan OKT terhadap cannabis di dalam laci dashboard. Mungkin reaksi itu ditunjukkan kerana pengetahuanya

mengenai ubat batuk yang ada dalam kereta. Ini sejajar dengan pertanyaan polis kepada mereka semasa serbuan di rumah: 'mana ubat batuk?' Menurut SP7, pihak polis tidak tanya mereka fasal ganja.

(7) SP3 mengesahkan bahawa dia tidak berbau cannabis semasa beliau membawa kereta P14 balik ke Balai Polis Dungun. Jadi, inferens pengetahuan cannabis di dalam laci dashboard tidak boleh dibuat terhadap OKT melalui bau cannabis.

Dalam kes ini, tidak ada keterangan terus bahawa OKT memiliki dadah dan juga tidak ada keterangan terus bahawa kereta P14 sentiasa berada dalam kawalan OKT sebelum dia ditangkap. OKT bukan ditahan semasa memandu kereta atau baru sahaja turun dari kereta. Kawalan dan penggunaan kereta oleh OKT telah terputus apabila SP7 dan SP9 mengguna kereta pergi ke Dungun selama dua jam, dan tidak ada keterangan bahawa kereta itu telah diserahkan balik kepada OKT sebelum dia ditangkap. Jadi, keterangan pendakwaan bahawa OKT memiliki kunci kereta walaupun dalam keadaan gelisah, hanya menunjukkan syak kuat dan tidak mencukupi dan selamat untuk memutuskan bahawa OKT mempunyai pengetahuan dan jagaan atau kawalan terhadap dadah di dalam laci dashboard. Tanpa keterangan jagaan atau kawalan dan pengetahuan yang jelas dan pasti ke atas dadah oleh OKT, pihak pendakwa telah gagal membuktikan dengan afirmatifnya bahawa OKT telah memiliki dadah di dalam laci dashboard kereta itu (*Muhammed bin Hassan v. Public Prosecutor* [1998] 2 CLJ 170 FC). Bukti milikan dadah adalah penting dalam kes ini kerana tanpa bukti milikan dadah, anggapan trafiking dadah di bawah s. 37(da)(vi) Akta tidak akan timbul.

Penutup

Dalam kes sekarang, saya dapati pihak pendakwa telah bergantung sepenuhnya ke atas keterangan inferens bagi membuktikan milikan dadah oleh OKT. Dalam hal ini, pesanan Mahkamah Agong ketika itu dalam kes *Choo Chang Teik v. Public Prosecutor* [1991] 3 CLJ 2387; ([1991] 1 CLJ (Rep) 54) patut diambil perhatian di mana Mahkamah Agong di ms. 2391 (ms. 59) telah berkata:

> ... we feel that in offences involving capital punishment such as trafficking in drugs, evidence by inference alone is not sufficient to support a conviction of the appellant without some proof of the element of control.

Oleh yang demikian, saya putuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal mewujudkan suatu kes *prima facie* terhadap OKT untuk memanggil OKT membela diri terhadap pertuduhan. Dengan itu, OKT dilepas dan dibebaskan. Menurut s. 30(6) Akta, saya perintahkan kereta P14 dikembalikan kepada pemunya, SP5. Eksibit-eksibit lain diserahkan kepada Polis untuk dilupuskan.